



REAKSI

SUNGAI SOMPO TERCEMAR



"SAYA menganggap kerajaan Selangor gagal menyelenggara sungai dengan baik. Pencemaran

sungai sering berlaku di kawasan ini dan mereka perlu bertanggungjawab terhadap isu tersebut."

JOHAN ABD. AZIZ

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih



"AKTIVITI korekan pasir itu aktif dari tengah hari hingga ke petang sehingga menyebabkan sungai berlumpur.

Saya kasihan melihat pekebun berikutan hasil pertanian mereka tidak menjadi disebabkan air sungai tercemar."

ZUHAIRY ABD. KARIM,

Penduduk



"PIHAK berkuasa perlu menyelesaikan masalah ini dengan segera. Punca kepada masalah ini sudah diketahui,

sudah tiba masanya tindakan penguatkuasaan diambil bagi memastikan pengguna tidak merana."

MOHD. FAZLI

KAMARULZAMAN

Pengawal keselamatan



AKTIVITI korek pasir turut mengakibatkan hakisan tebing dan pencemaran sungai.

GAMBAR kiriman seorang pembaca mengenai kegiatan mengorek pasir yang didakwa berlaku di Lenggeng, Negeri Sembilan.

Sungai Sompoo tercemar, desak pihak berwajib bertindak segera

Korek pasir punca pencemaran



SKUAD TERJAH

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN,
FAUZI SUHAIMI DAN AMIRUL
AIMAN ANUAR

kota@utusangroup.com.my

SEMENYIH 2 MAC

PENCEMARAN sungai di sekitar Semenyih semakin menjadi-jadi.

Itulah yang berlaku di Sungai Somp, Beranang di sini apabila air sungai yang dahulunya jernih kini berubah menjadi kopi susu.

Penduduk mendakwa, kegiatan mengorek pasir tanpa kawalan di Lenggeng Negeri Sembilan sejak setahun lalu menjadi punca sungai itu tercemar.

Bukan sahaja air sungai bertukar keruh, tetapi turut berlaku mendapan pasir dan lumpur yang teruk.

Kegiatan itu turut memberi kesan kepada pekebun kecil yang menggunakan air sungai tersebut sebagai sumber pen-

MUKADIMAH

SUNGAI Somp di Beranang, Selangor merupakan salah satu cabang Sungai Semenyih. Sungai itu didakwa semakin tercemar sejak akhir-akhir ini akibat kegiatan mengorek pasir tanpa kawalan daripada pihak berwajib.

Skuad Terjah minggu ini turun ke lokasi bagi melihat

sendiri sejauh mana seriusnya masalah pencemaran sungai yang didakwa berlaku sejak setahun lalu sehingga menjejaskan alam sekitar dan tanaman penduduk berhampiran.

Jika benar, tindakan tegas perlu diambil terhadap mana-mana pihak yang mengakibatkan pencemaran itu.

gairan kepada tanaman mereka.

Tinjauan Skuad Terjah di sepanjang sungai mendapati aliran air mengalir lesu. Jika keadaan itu dibiarkan tanpa tindakan sudah pasti air sungai terus tercemar, alam sekitar akan musnah dan kehidupan penduduk di kawasan

terbabit akan terus terancam.

Sehubungan itu kerajaan Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Pejabat Tanah dan Galian, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Alam Sekitar digesa mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah Sungai Somp yang teruk tercemar ketika ini.

Dalam pada itu, Pengerusi Gagasannya Prihatin Semenyih (GPS), Azman Ahmad mendakwa, sehingga kini tiada sebarang usaha dan tindakan diambil pihak berkuasa termasuk kerajaan negeri Selangor berhubung masalah itu.

Menurutnya, menjadi tanggungjawab pihak berkenaan memantau dan mencari penyelesaian kepada isu itu.

"Sungai ini merupakan antara sumber bekalan air kepada penduduk Lembah Klang.

Jika tidak diambil tindakan dibimbangi masalah ini akan merebak ke cabang lain seterusnya berlaku lagi penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih sehingga menyebabkan gangguan bekalan air sekali lagi," katanya.

info

PENCEMARAN SUNGAI DI SEMENYIH

- > Pada 2014, Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih pernah dicemari ammonia menyebabkan hampir 20,000 isi rumah di Selangor terjejas. Krisis itu dianggap sebagai bermulanya krisis air yang paling teruk dalam sejarah Selangor.
- > LRA Sungai Semenyih terpaksa ditutup disebabkan berlakunya pencemaran ammonia oleh pihak tidak bertanggungjawab tahun lalu.
- > Kira-kira 1.8 juta penduduk di empat daerah iaitu Hulu Langat, Kuala Langat, Petaling dan Sepang sekali lagi berdepan gangguan bekalan air berikutan LRA Sungai Semenyih ditutup buat kali keempat berikutan pencemaran bau di Jalan Sungai Lalang, Semenyih pada Oktober tahun lepas.
- > Sungai Somp di Beranang didakwa tercemar ekoran aktiviti korek pasir.



PENCEMARAN air sungai Somp turut menjejaskan tanaman pekebun kecil di sepanjang sungai berkenaan.

JPS laksana kerja-kerja penyelenggaraan sungai

SELAYANG 2 Mac - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Gombak mula menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan kawasan semak samun di Sungai Jinjang berdekatan One Selayang dan 162 Residency, Selangor pada 28 Februari lalu. Tindakan ini sekali gus melegakan penduduk yang selama ini rimas dengan keadaan semak samun yang terbiar sejak setahun lalu.


Pada 15 Februari lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan

mengenai kebimbangan penduduk berhubung pokok-pokok renek setinggi tujuh meter tumbuh di kiri dan kanan sungai sehingga hampir menjaral keluar ke kawasan perumahan mereka.

Penduduk merayu supaya JPS menyegerakan kerja selenggaraan ini kerana ia bukan sahaja memburukkan pemandangan, lebih membimbangkan ancaman haiwan berbisa seperti ular yang menjadikan kawasan itu sebagai habitat.



SEMAK samun sepanjang Sungai Jinjang berdekatan One Selayang dan 162 Residency, Selangor telah dibersihkan JPS Daerah Gombak.



ALIRAN air Sungai Somp Beranang, Selangor lesu kesan pencemaran akibat kegiatan korek pasir.